

MOHAMAD MUZAMMIL Mohamad Noor
Universiti Sains Malaysia

**NOER NAHAR MARZUKI: WIRAWATI TIDAK DIDENDANGKAN
DALAM PENDIDIKAN ZAMAN KOLONIAL BELANDA DI JAWA,
1932-1942**

***NOER NAHAR MARZUKI: UNSUNG HERO OF EDUCATION DURING
THE DUTCH COLONIAL PERIOD IN JAVA, 1932 - 1942***

Penulisan artikel ini menumpukan kepada seorang wanita Indonesia, Noer Nahar dalam perjuangannya mengorbankan masa dan wang ringgit bagi membantu suaminya, Natsir mencapai cita-cita membangunkan sebuah pendidikan Islam moden iaitu Sekolah Pendidikan Islam (Pendis) pada zaman kolonial Belanda di Jawa sekitar tahun 1932-1942. Artikel ini mengupas peranan seorang wanita moden dalam perjuangan membentuk anak bangsa dan wanita tempatan dalam pendidikan, nasionalisme dan emansipasi wanita Indonesia; di samping menerapkan perjuangannya dengan membuka sebuah sekolah agama moden. Persoalannya, adakah perjuangan Noer Nahar berjaya atau tidak membangunkan sekolah itu dengan suaminya, Natsir? Perbincangan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kepada pendekatan analisis sumber-sumber daripada surat persendirian, kertas kerja, temu bual serta penyelidikan menerusi kaedah kajian arkib dengan menganalisis dokumen-dokumen Belanda. Penyelidikan ini menggunakan bahan dan data daripada Arsip Nasional Indonesia, Perpustakaan Nasional Indonesia dan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia. Hasil penulisan ini mengesani perjuangan beliau membangunkan sebuah sekolah agama moden adalah disebabkan tidak mendapat sokongan daripada pihak kolonial Belanda. Sebagai seorang guru wanita yang menerima pendidikan kolonial, beliau turut membangunkan minda bangsa Indonesia melalui pendidikan dengan menaburkan nilai-nilai nasionalisme Indonesia kepada bangsanya. Penulisan ini dapat menonjolkan tokoh wanita Indonesia dalam lipatan sejarah untuk tatapan umum.

Kata kunci: *Noer Nahar, pendidikan bangsa Indonesia, Sekolah Pendidikan Islam (Pendis), nasionalisme Indonesia, kolonial Belanda*

This article discusses an Indonesian woman named Noer Nahar who struggled and sacrificed time and money to help her husband, Natsir achieve his ambition of developing a modern religious school known

as the Pendis School (1932-1942) during the Dutch colonial era, specifically in Java. The article examines the role and character of a modern woman in the struggle to shape awareness in children and women in terms of education, nationalism and the emancipation of Indonesian women. According to Noer Nahar, the Indonesians were not only weak in general knowledge of the world, their religious knowledge too was not properly developed in the modern education system. Based on these problems, the main objective of this study is to analyze the role of Noer Nahar's struggles in establishing a modern religious school, known as the Pendis School in West Java. The question now is, did Noer Nahar's struggles to form such a school, succeed? The discussion in this paper is based on the analysis of various resources spanning from private letters, work papers and interviews, to the archival research method based study that analysed Dutch documents. This research employed materials and data from the National Archives of Indonesia, the National Library of Indonesia and the Dewan Dakwah Islamiyah of Indonesia. This paper traces Noer Nahar's struggle in developing a modern religious school despite not getting any support from the Dutch colonial regime. As a female teacher, she also fostered education through Indonesian nationalism to her students for the ultimate purpose of obtaining Indonesian independence. This writing highlights Indonesian women figures in the folds of history for public knowledge and awareness.

Keywords: *Noer Nahar, education of the Indonesian nation, Islamic Religious School (Pendis), Indonesian nationalism, Dutch colonial era*

Pengenalan

Noer Nahar Marzuki seorang 'anak Minang' yang keluarganya berasal dari Provinsi Sumatera Barat.¹ Beliau merupakan isteri kepada Muhammad Natsir atau dikenali sebagai Pak Natsir. Muhammad Natsir pernah diangkat sebagai salah seorang 'Pahlawan Nasional Indonesia' yang berjuang melawan kolonial Belanda di Indonesia semasa zaman kolonial.² Berlandaskan asas perjuangan Muhammad Natsir iaitu melalui ideologi 'agama, dakwah dan politik' yang berkehendakkan kemerdekaan negaranya dari kolonial Belanda dan membentuk pemerintahan Islam di Indonesia, beliau ditentang hebat oleh Presiden Sukarno yang membawa idea nasionalisme sekular dalam pemerintahan beliau. Noer Nahar adalah pendorong kuat di sebalik perjuangan suaminya itu. Setiap cabaran, tentangan dan rintangan yang dihadapi oleh suaminya itu, Noer Nahar sentiasa memberi sokongan padu demi mencapai perjuangan yang dicita-citakan Muhammad Natsir itu. Muhammad Natsir mempunyai rentetan perjalanan yang penuh berliku dan ranjau berduri ketika melibatkan diri sebagai

ulama, politikus, pemimpin nasionalis Islam serta pemimpin parti politik Islam terbesar di rantau ini iaitu Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi)³ di samping Menteri Penerangan dan Perdana Menteri Negara Kesatuan Republik Indonesia pada zaman Presiden Sukarno iaitu sekitar pertengahan tahun 1950.⁴ Dalam penulisan ini, fokus lebih kepada sokongan Noer Nahar kepada suaminya dalam memperjuangkan pendidikan Islam kepada masyarakat tempatan bagi membangunkan taraf kehidupan mereka yang mundur untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna terutama dalam memperolehi ilmu-ilmu Islam serta ilmu dunia. Usaha mereka berdua itu diterjemahkan melalui sebuah sekolah agama moden persendirian di Bandung, Sekolah Pendidikan Islam (Sekolah Pendis). Dalam usaha mengasaskan sekolah agama swasta itu, pelbagai dugaan dan masalah dihadapi dalam keadaan penjajahan.

Objektif penulisan ini lebih menjuruskan kepada seorang wanita yang bergelar isteri mengorbankan masa dan wang ringgit bagi membantu suaminya mencapai cita-cita membangunkan sebuah pendidikan Islam moden. Di samping itu, ia juga menonjolkan peranan dan perwatakan seorang wanita moden dalam perjuangannya membentuk anak bangsa dan wanita tempatan dalam pendidikan, nasionalisme dan emansipasi wanita Indonesia semasa zaman kolonial. Penulisan ini dapat memberi sumbangan bagi mengesan dan menyorot kembali riwayat hidup Noer Nahar dalam usaha dan perjuangannya membangunkan sebuah sekolah agama swasta yang khusus kepada anak-anak bangsa Indonesia melalui keseimbangan ilmu akhirat dan ilmu duniawi bersama-sama suaminya, Muhammad Natsir. Penulisan ini lebih tertumpu kepada sejarah riwayat ringkas kehidupan beliau bermula dari zaman persekolahannya, penghijrahan beliau dari Sumatera Barat ke Jawa, semasa beliau berkhidmat sebagai guru kolonial Belanda, perkenalan beliau dengan Muhammad Natsir, sumbangan pemikiran beliau dalam mencapai hasrat suaminya membina sekolah swasta agama serta memperlihatkan jatuh bangunnya sebuah pusat pendidikan yang diusahakan bersama-sama mereka. Oleh hal sedemikian, melalui penulisan ini, ia akan menambahkan lagi penonjolan tokoh wanita Indonesia dalam lipatan sejarah untuk tatapan umum.

Sorotan Karya

Penulisan berkenaan pengalaman dan peranan Noer Nahar sebagai pendorong dan penggerak pengasasan sebuah pusat pendidikan swasta di Jawa Barat agak jarang ditemui dan dikaryakan dalam penulisan sejarah pendidikan dan sejarah biografi wanita Indonesia. Penulisan-penulisan lain yang dapat dikesani ialah pemikiran politik Islam dan pemikiran pendidikan Islam suaminya, Muhammad Natsir sahaja yang menjadi daya tarikan untuk ditulis oleh para sejarawan tanpa disentuh tentang penglibatan Noer Nahar secara mendalam. Berlandaskan kenyataan ini, para penulis di Indonesia lebih menumpukan sejarah pemikiran, perjuangan dan penglibatan suaminya dalam politik-agama dan pemerintahan

Indonesia. Misalnya, seorang sarjanawan bernama Dr. Mohammad Noer, membicarakan pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir tentang Islam, politik dan negaranya semasa zaman pemerintahan Presiden Sukarno yaitu dalam sekitar tahun 1940 hingga 1960.⁵ Sebuah lagi karya Dr. Mohammad Noer bertajuk, “Ideologi Pendidikan Islam Mohammad Natsir” turut mengulas tentang pemikiran Muhammad Natsir tetapi lebih menumpukan kepada ideologi pendidikan Islam yang diperjuangkan beliau. Namun begitu, kedua-dua karya Mohammad Noer tidak menyentuh penglibatan dan perjuangan Noer Nahar dalam pendidikan dan pengasasan sekolah swasta tersebut secara mendalam. Oleh itu, penulisan Dr. Mohammad Noer hanya membicarakan secara sepintas lalu perkahwinan dan kehidupan pasangan suami isteri tersebut serta Noer Nahar hanya menjadi pendidik di Sekolah Pendis sahaja.

Selain itu, Dr. Gamal Abdul Nasir Zakaria menerusi tulisannya, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah* lebih memfokuskan kepada pemikiran dan perjuangan suami Noer Nahar itu dalam bidang pendidikan Islam termasuk cita-cita Muhammad Natsir membangunkan sebuah institusi pendidikan moden berteraskan Islam dan disulami dengan ilmu pendidikan Barat.⁶ Tanpa menyentuh peranan yang dimainkan oleh Noer Nahar bersama-sama suaminya membangunkan Sekolah Pendis, Dr. Gamal hanya menumpukan bentuk permodelan pendidikan Islam yang dirancang oleh Muhammad Natsir. Begitu juga penulisan yang dilakukan oleh Yusuf Abdullah Puar dan M. Dzulfikriddin tidak menyentuh secara langsung perjuangan Noer Nahar membantu suaminya dalam pendidikan Islam dan usaha membangunkan sebuah pusat pendidikan bercorak Islamik. Mereka hanya sekadar mengulas tentang perjuangan dan keterlibatan Muhammad Natsir membangunkan sebuah model pendidikan Islam swasta serta lebih menumpukan kegiatan dalam politik dan aktivis persatuan sosial Islam.⁷

Namun begitu, suaminya, Muhammad Natsir telah mengabadikan perjuangan dan pengorbanan Noer Nahar bersama-sama mendirikan sebuah sekolah agama swasta yang moden, Sekolah Pendis di Kota Bandung dalam tahun 1932 melalui catatan surat-surat persendirian beliau. Himpunan surat-surat persendirian Muhammad Natsir itu telah dibukukan tanpa penerbit dan tiada tahun diterbitkan; ia hanya untuk simpanan ahli keluarga mereka sahaja. Buku himpunan surat-surat persendirian itu bertajuk “Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga” yang bertarikh 17 Julai 1958; 18 Julai 1958; 9 Ogos 1958; 15 September 1958; dan, 18 Julai-9 Ogos 1958 serta ia menjadi sumber utama penulisan artikel ini.⁸ Melalui himpunan surat-surat persendirian itu, Muhammad Natsir menjelaskan detik-detik perkenalan beliau dengan Noer Nahar sehingga mereka berkahwin dan seterusnya merancang mengasaskan sebuah sekolah agama swasta bagi membangunkan anak-anak bangsa Indonesia semasa zaman kolonial Belanda di Jawa Barat. Daripada Noer Nahar menjadi guru dan membantu mengurus sekolah swasta tersebut, Sekolah Pendis; Muhammad Natsir mendedahkan bagaimana isterinya itu

melakukan sebuah pengorbanan dengan menggadaikan barang-barang kemas yang dimiliki Noer Nahar bagi membiayai penubuhan sekolah yang diasaskan mereka berdua itu. Melalui penulisan ini, ia dapat menonjolkan peranan dan perjuangan Noer Nahar dalam membangunkan minda anak-anak bangsanya dalam zaman kolonial melalui pendidikan dan seterusnya menyerapkan idea-idea nasionalisme serta mengasaskan sebuah sekolah agama swasta moden bersama-sama suaminya.

Latar Belakang Noer Nahar dalam Pendidikan Kolonial Belanda

Noer Nahar dilahirkan pada tahun 1920-an di Provinsi Sumatera Barat dalam sebuah keluarga yang sederhana kehidupan dan patuh kepada anutan agama Islam semasa zaman kolonial Belanda.⁹ Bapanya seorang petani tradisional yang mengusahakan tanaman padi bukit dan dikatakan warak dalam ilmu agama serta ibunya seorang wanita tempatan yang menjadi suri rumah tangga selain menjalankan aktiviti kraftangan tradisional di kampung mereka. Noer Nahar telah menerima pendidikan awal di kampungnya di Provinsi Sumatera Barat dengan pendidikan asasnya adalah pendidikan Islam di rumah dan seterusnya menerima pendidikan formal dalam sistem persekolahan kolonial Belanda dan telah lulus dalam aliran tersebut. Seterusnya beliau menyambung pendidikan di sekolah menengah atas aliran Belanda. Pengalaman Noer Nahar yang menuntut ilmu dalam pendidikan kolonial Belanda telah menyemai bibit-bibit anti penjajah kerana beliau menyaksikan sendiri pegawai kolonial Belanda menindas anak-anak bangsa Indonesia dalam setiap bidang terutama dalam perekonomian dan peluang pendidikan serta perjawatan awam. Malahan di peringkat pendidikan, sungguhpun anak-anak tempatan diberi peluang belajar namun mereka disisihkan dan diasingkan kelas dengan anak-anak bangsa Barat dan juga golongan bangsawan. Mereka menganggap bangsa Indonesia adalah 'kelas bawahan' atau 'kelas kedua' dan tidak perlu diberi apa-apa keistimewaan.¹⁰ Dalam hal ini, Noer Nahar menyedari bahawa dasar pemerintahan kolonial Belanda 'berat sebelah' dan tidak berlaku keadilan kepada bangsa yang dijajah di tanah air sendiri. Hal ini juga bertambah bencinya beliau kepada kolonial Belanda yang menindas bangsanya dari segi pendidikan dan sosioekonomi.

Minat yang mendalam untuk mendidik anak-anak bangsanya telah membuatkan Noer Nahar menyimpan hasrat untuk menjadi seorang pendidik bagi membangunkan minda masyarakat tempatan dan dalam masa yang sama dapat menyemai semangat anti kolonial serta membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Beliau percaya melalui ilmu dan sistem pendidikan yang sempurna serta moden, seseorang itu akan memperolehi kesempurnaan kehidupan dan maju dalam pelbagai bidang. Dalam meneruskan hasratnya itu, Noer Nahar melanjutkan pendidikannya dengan mengikuti latihan perguruan iaitu dalam bidang pendidikan prasekolah dan kanak-kanak setelah beliau

berpindah ke Jawa Barat pada awal tahun 1930-an. Setelah beliau lulus di pusat latihan perguruan di bawah pemerintah kolonial Belanda, kerjayanya bermula sebagai guru di Sekolah Taman Kanak-kanak Bersubsidi (TK) iaitu pendidikan prasekolah yang didirikan oleh kerajaan kolonial Belanda di Jakarta dan seterusnya berpindah ke Bandung. Sekolah yang beliau mula bertugas itu majoriti pelajarinya adalah golongan bangsawan Indonesia dan anak-anak kolonial Belanda. Disebabkan suasana dan dasar sekolah tersebut lebih ke arah pendidikan sekular dan mendidik anak penjajah, Noer Nahar berhenti berkhidmat sebagai 'guru Belanda' oleh sebab jiwanya tidak sealign dengan dasar-dasar penjajah itu. Kemudiannya, beliau bertemu dengan Muhammad Natsir di tempat yang sama di Bandung dan berminat menabur bakti menjadi pendidik di sekolah yang ditubuhkan oleh Muhammad Natsir iaitu Sekolah Pendidikan Islam (Pendis) di tengah-tengah Kota Bandung dan terus melangsungkan perkahwinan secara sederhana di sebuah surau di Jalan Rana, Bandung pada 20 Oktober 1934.¹¹ Seperti digambarkan dengan ringkas suasana kenangan manis mereka yang cukup bersejarah itu dalam sebuah koleksi surat-surat Muhammad Natsir kepada anak-anaknya yang telah dibukukan, bahawa; "Mereka tinggal di suatu rumah kecil dekat surau di Jalan Rana. Diadakan juga walimah sedikit, tetapi tamu makan di atas surau depan rumah kecil itu".¹²

Noer Nahar meninggal dunia lebih awal daripada suaminya iaitu pada 22 Julai 1991 dan dikebumikan di Jakarta sedangkan Muhammad Natsir menghembuskan nafas terakhirnya pada 6 Februari 1993.¹³ Noer Nahar meninggal dunia akibat demam yang berpanjangan serta sakit tua. Kehilangan Noer Nahar memberi kesan yang besar kepada kehidupan bekas Perdana Menteri pertama Negara Kesatuan Republik Indonesia itu. Banyak kenangan mereka berdua mengharungi suka duka bersama-sama bermula dengan pembukaan sekolah swasta, penglibatan Muhammad Natsir sebagai nasionalis anti penjajah, seteru kuat kepada golongan sekular dalam politik dan pemerintahan Indonesia serta seterusnya sebagai aktivis politik, pentadbir negara serta peristiwa kemelut yang melanda Muhammad Natsir bersama Presiden Sukarno sehinggalah Muhammad Natsir dipenjarakan. Muhammad Natsir di tahanan penjara adalah bagi mengurangkan aktivitinya dalam politik dan pembangkang kepada presiden pertama Indonesia itu. Isterinya, Noer Nahar telah menyaksikan kesemua peristiwa getir yang terjadi kepada Muhammad Natsir. Hasil pengongsian hidup mereka, dianugerahkan cahaya mata seramai enam orang, iaitu Siti Muchliesah, Abu Hanifah, Asma Faridah, Hasnah Faizah, Aisyah tul Asriah dan Ahmad Fauzie.

Aktivis Wanita dan Seorang Pendidik

Impak kepada pendidikan Barat yang diterima olehnya, idea pemikiran pendidikan dan politik wanita Minang ini telah mencetuskan perasaan anti

Belanda dalam dirinya. Oleh itu, pengaruh daripada persatuan-persatuan sosial, pertubuhan agama Islam dan parti-parti politik tempatan mempengaruhi idea dan perjuangan Noer Nahar untuk bergerak sebagai penentang penjajahan di tanah airnya. Noer Nahar merupakan seorang aktivis wanita sebuah pertubuhan yang memperjuangkan masyarakat Islam Indonesia melawan kolonial Belanda, iaitu *Jong Islamieten Bond* (JIB) yang membawa erti *Islamic Youth Association* (Perhimpunan Pemuda Islam).¹⁴ JIB diasaskan pada 1 Januari 1925 di Batavia iaitu nama lama bagi Jakarta. Pada permulaan pengagasannya, pertubuhan ini bukan berasaskan agenda politik kerana kegiatan politik zaman kolonial dikawal ketat oleh pihak kolonial Belanda. Ia hanyalah sebuah organisasi atau sebuah kelab sosial bagi merapatkan hubungan sosial umat Islam di Indonesia dan JIB mempunyai cawangan-cawangannya di Sumatera, Jawa, Kalimantan dan Sulawesi. Noer Nahar menerima pengaruh reformasi dari JIB bagi memajukan bidang pendidikan dan sosioekonomi masyarakat Indonesia yang ahlinya rata-rata pemuda pemudi serta pelajar berpendidikan Islam tempatan.¹⁵ Meskipun beliau sekadar berperanan sebagai ahli biasa tetapi Noer Nahar turut aktif dengan memberi ceramah-ceramah bersifat anti penjajah kepada golongan ibu dan wanita tempatan dengan penuh semangat nasionalisme menentang segala bentuk penjajahan. Dikatakan juga salah satu sebab Noer Nahar meninggalkan tugas sebagai pendidik di sekolah kolonial Belanda adalah kerana enggan bekerjasama dengan pihak kolonial Belanda untuk memberi ilmu kepada anak bangsa asing di sekolah anjuran mereka.¹⁶ Dalam masa yang sama juga aktiviti atau kegiatan anti Belanda beliau turut dikesan oleh pihak kolonial tersebut. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan sebarang tindakan tatatertib daripada pihak kolonial itu, Noer Nahar telah meletakkan jawatan sebagai ‘guru Belanda’. Kesanggupan Noer Nahar melepaskan jawatan sebagai guru berpendidikan Belanda yang menjanjikan peluang tinggi dalam kerjaya dan kehidupan yang lebih selesa merupakan sebuah pengorbanan yang harus dibayar dengan harga yang tinggi. Selain itu, sifat keibuan dan ‘gaya seorang pendidik wanita’ dalam membantu Muhammad Natsir dengan urusan-urusan pendidikan dan pentadbiran Sekolah Pendis telah menarik hati beliau untuk mengahwini Noer Nahar. Menurut pandangan suaminya, Muhammad Natsir, sebagai seorang wanita yang budi pekertinya lemah lembut dan patuh kepada agama Islam telah menambah menambat hatinya terhadap Noer Nahar sebagai suri hati. Melalui perkahwinan mereka tersebut, peluang diperolehi oleh Noer Nahar bagi menambah minatnya dalam dunia pendidikan dan mendalami dunia pendidikan kanak-kanak dengan mencurahkan baktinya melalui penyebaran ilmu pengetahuan serta secara langsung dapat membantu menaikkan lagi perkembangan sekolah swasta tersebut.

Setelah berkahwin dengan Muhammad Natsir, Noer Nahar meneruskan pekerjaannya sebagai seorang pendidik, pentadbir sekolah swasta bersama-sama suaminya itu serta seorang ibu kepada keenam-enam anak-anaknya. Noer Nahar amat menitik berat pendidikan terhadap anak-anaknya di

rumah sehingga beliau menyediakan ruang bacaan khusus di rumahnya untuk mereka mencintai ilmu kerana menurutnya, “menjadi guru yang baik, harus menjadi pembaca yang baik”.¹⁷ Begitu juga ketika makan bersama-sama di rumah, Noer Nahar menetapkan setiap anak-anak dan suaminya harus turut menikmati makanan bersekeluarga kerana, “...meja makan adalah sarana nilai-nilai penyampaian pendidikan, dan harus ada kebersamaan antara ayah, ibu dan anak di meja makan. Di situlah pendidikan paling berkesan”.¹⁸ Malah, Noer Nahar turut menitik berat juga kepada anak-anak tempatan supaya ilmu perlu diperkembangkan dalam diri masing-masing supaya dapat membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah dan seterusnya membangunkan sebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan daripada kolonial Belanda kelak.

Kenyataan itu dibuktikan apabila semasa mereka mula membangunkan institusi pendidikannya itu pada tahun 1932, pasangan suami isteri itu mudah timbul rasa sikap kasihan dan simpati terhadap anak-anak bangsanya yang miskin semasa belajar di Sekolah Pendis. Demi memberi pendidikan moden dan ilmu agama, pada sesi awal pembukaan sekolah swasta itu, beliau bersetuju dengan saranan Muhammad Natsir sanggup mengecualikan yuran pengajian kepada mereka yang daripada keluarga miskin dan tidak mampu membayar yuran persekolahan.¹⁹ Sikap simpati yang dimiliki beliau itu memberi implikasi besar kepada perjuangan mereka melalui pendidikan kerana terbantutnya sumber pendapatan yang kukuh dalam usaha memperkembangkan lagi sekolah swastanya itu. Namun begitu, masalah dan kesempitan kewangan yang dihadapi mereka mendapat perhatian dan pertolongan daripada dermawan-dermawan tempatan yang memberi zakat perniagaan. Pengorbanan besar yang dilakukan Noer Nahar ialah kesanggupan menggadaikan harta emasnya sendiri yang diwarisi ibunya agar kemajuan pendidikan diteruskan secara perlahan-lahan.²⁰

Selain amalan pendidikan yang mereka amalkan di Sekolah Pendis, amalan mendidik anak-anak mereka sendiri turut diamalkan di rumah sebagai panduan pendidikan kepada anak-anak menjadi manusia berguna dan umat Islam yang patuh kepada ajaran agama Islam. Menurut keterangan seorang anak mereka, Asma Faridah Natsir, yang menjelaskan bahawa beliau semasa zaman kanak-kanak lagi, Muhammad Natsir dan Noer Nahar sentiasa mengingatkan kepada semua anak-anaknya supaya pentingkan ilmu dunia dan akhirat dan hindarkan sifat-sifat malas yang boleh memudaratkan masa hadapan.²¹ Tambah Asma lagi, adik beradiknya amat gerun dengan didikan ibu bapa mereka yang tegas dalam memberikan pendidikan, misalnya setiap kali masuk waktu solat tidak boleh melengah-lengahkan masa sewaktu azan solat berkumandang dan perlu tidur lebih awal setiap malam supaya tidak tertinggal waktu solat subuh. Denda yang akan dikenakan apabila mereka melanggar perintah ialah dipukul dengan ‘kain batik jawa’ yang digulung-gulung tebal.²²

Melalui impian pengasasan Sekolah Pendis, Noer Nahar mempunyai cita-cita yang cukup tinggi dalam perjuangannya melalui bidang pendidikan bersama-sama suaminya itu. Oleh sebab itulah mereka berhasrat mempunyai

institusi swasta sendiri dengan dimulai sebuah pusat pendidikan swasta peringkat prasekolah dan peringkat sekolah rendah terlebih dahulu. Hal ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada suaminya, Muhammad Natsir; walaupun ketika itu suaminya telah menjinak-jinakkan diri dalam parti politik Islam termasuk Nahdatul Ulama dan Masyumi. Keinginan sekolah yang bakal mereka berdua asaskan itu menggunakan sistem pendidikan dan pengajaran yang sistematik dan moden kepada anak bangsanya jika dibandingkan dengan sistem pendidikan tradisional Jawa termasuk institusi pesantren. Dalam isu penubuhan sekolah swasta mereka itu, dapat diinterpretasikan bahawa penubuhan sekolah swasta moden itu bukan meniadakan peranan yang dimainkan oleh sistem pendidikan tradisional seperti pesantren, sekolah pondok dan madrasah yang diusahakan oleh pertubuhan lain misalnya, Muhammadiyah yang hanya menghasilkan anak didik yang beriman dan berakhlak mulia semata-mata tetapi menurut Muhammad Natsir, pendidikan moden dapat menutup kejahilan terhadap perkembangan dunia yang makin mencabar.²³ Maksud pemikiran Muhammad Natsir itu seiring dengan pandangan isterinya, Noer Nahar bahawa anak-anak bangsanya tidak akan terlepas cabaran dunia Barat kesan daripada penjajahan Belanda mahupun selepas Indonesia merdeka, pendidikan agama tidak harus terkebelakang dan hanya mementingkan pendidikan sekular semata-mata.²⁴ Oleh hal sedemikian, Noer Nahar berkeyakinan penuh sistem pendidikan Islam moden yang bakal diperkenalkan di Sekolah Pendis itu dapat menepati kehendak ajaran Islam yang mendorong para pelajar mencapai kemajuan di dunia dan akhirat dengan seimbang antara satu sama lain.

Idea Pembaharuan dalam Pendidikan

Idea Noer Nahar dalam membangunkan pendidikan anak bangsanya agak jelas kerana beliau menginginkan pembaharuan dalam bidang pendidikan disebabkan pengalamannya semasa menuntut di sekolah-sekolah anjuran kolonial Belanda yang tidak menitikberatkan kepada ilmu-ilmu kerohanian dan keagamaan. Menurut Noer Nahar, beliau dan suaminya menuntut ilmu dalam sistem pendidikan kolonial Belanda sekadar untuk ‘mengisi otak’ sahaja tanpa pengisian ilmu jiwa dan rohani. Oleh hal demikian, mereka turut kebimbangan akan menyebabkan runtuhnya nilai-nilai diri dan masyarakat iaitu pengaruh Barat yang diserapkan oleh penjajah.²⁵ Mereka menganggap bahawa sistem pendidikan kolonial Belanda ini telah menciptakan sebuah pemikiran sekular yang menolak unsur-unsur keagamaan dalam sistem pendidikan formal, politik dan pentadbiran seperti yang dilakukan oleh Presiden Sukarno dan Muhammad Hatta semasa pemerintahan mereka selepas Indonesia mencapai kemerdekaan 17 Ogos 1945. Oleh sebab pengaruh pendidikan sekular Sukarnolah yang cita-citanya ingin memerdekakan Indonesia dan membentuk sebuah negara sekular yang baharu di Asia Tenggara tercapai.²⁶ Menurut pandangan Muhammad

Natsir berkenaan idea sekular semasa pemerintahan Presiden Sukarno;

“Bagi seorang sekularis (merujuk kepada Sukarno), soal Ketuhanan, sampai kepada soal Ketuhanan Yang Maha Esa, tak ada hubungannya dengan Wahyu: baginya soal Ketuhanan adalah soal ciptaan manusia yang berganti-ganti.”²⁷

Dalam usaha mengasaskan sebuah sekolah swasta agama moden yang dihasratkannya itu, beliau dengan suaminya mengadakan perbincangan dan mengumpulkan idea-idea dengan rakan-rakan seperjuangannya termasuklah seorang guru yang mendidikinya dalam hal berkaitan ilmu keagamaan dan perjuangan nasionalisme Indonesia, Haji Ahmad Hassan. Haji Ahmad Hassan merupakan nasionalis tempatan serta pengikut idea gerakan islah di Jawa bersama-sama seorang lagi, Fakhruddin al-Khahiri.²⁸ Hasil perbincangan dan pengongsian idea tersebut, sebuah sekolah agama swasta khusus yang mempunyai kurikulum yang seimbang antara ilmu-ilmu moden dengan pendidikan keagamaan menjadi harapan Muhammad Natsir dan dirinya. Menurut suaminya, tujuan penubuhan sekolah tersebut adalah untuk “...suatu pemikiran, suatu cita-cita hendak membangunkan satu sistim pendidikan yang lebih sesuai dengan hakekat ajaran Islam.”²⁹

Noer Nahar mempunyai hasrat yang tinggi agar dapat melahirkan anak-anak Islam yang beriman dan berilmu dalam aspek kehidupan dan selepas kematian, di samping membina keperibadian sebagai seorang penganut Islam yang mulia.³⁰ Melihat cita-citanya itu jelas mempunyai persamaan dengan keinginan suaminya, Muhammad Natsir dalam memperjuangkan pendidikan moden di Jawa Barat. Sebagai seorang wanita Islam yang cintakan ilmu dan berpandangan luas dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan pembangunan insaniah anak bangsa Indonesia, beliau menyusun dasar-dasar pendidikan bersepadu itu bersama-sama Muhammad Natsir. Ia bertepatan dengan falsafah pendidikan yang disyorkan oleh mereka berdua ini yang terkandung dalam artikel pendidikan Islam yang dimuatkan dalam *Capita Selekta* yang ditulis sendiri oleh Nasir.³¹ Melalui buku tersebut menjelaskan berkenaan beberapa aspek yang membincangkan pemikiran Islam mengenai politik, ekonomi, sosial budaya dan pendidikan. Membicarakan tentang konsep pendidikan Islam, pendidikan tersebut menekankan ciri-ciri yang bersifat berintegriti, harmoni dan universal berteraskan ketakwaan kepada Allah SWT, seperti keterangan di bawah;

“Seorang pendidik Islam tidak usah memperdalam dan memperbesarkan antagonisme (pertentangan) antara Barat dengan Timur itu. Islam hanya mengenal antagonisme antara hak dan batil. Semua jang hak ia akan terima, biarpun datangnya dari Barat, semua jang batil akan ia singkirkan walaupun datangnya dari Timur. Sebab,

buat seorang Hamba Allah, djasmani dan ruhani dunia dan akhirat, bukanlah dua barang jang bertentangan jang harus dipisahkan, melainkan dua serangkai jang harus lengkap-melengkapi dan dilebur mendjadi satu susunan jang harmonis dan seimbang. Inilah jang dimaksud oleh firman Allah : “Dan demikianlah Kami jadikan kamu suatu umat jang seimbang, adil dan harmonis, supaja kamu djadi pengawas bagi manusia dan Rasul djadi pengawas atas kamu (Q.s. Al-Baqarah : 143).”³²

Pengasasan Sekolah Pendis, 1932

Hasil sokongan kuat daripada rakan-rakan seperjuangannya serta kecenderungan Noer Nahar membina sahsiah anak-anak bangsanya bersama suaminya, mereka telah mendirikan sebuah sekolah agama swata secara rasmi yang dikenali dengan Sekolah Pendis di Kota Bandung dalam tahun 1932; walaupun dalam keadaan kurang sempurna. Sekolah agama swasta itu menerima pelajar lelaki dan perempuan tanpa mengira kedudukan status bangsa asalkan anak Indonesia.³³ Dalam usaha pasangan suami isteri itu mendirikan, menyusun, merangka kurikulum, menjadi guru dan mentadbir sebuah sekolah persendirian yang sederhana saiznya, Muhammad Natsir dengan Noer Nahar telah mengorak langkah menelaah, mengkaji buku-buku tentang ilmu pendidikan, ilmu psikologi kanak-kanak serta meneliti teori-teori yang dikemukakan oleh pakar-pakar pendidikan Barat dan yang bersumberkan Islam dalam memperlengkapkan diri mereka sebagai seorang pendidik. Tugas masing-masing suami isteri itu ialah Noer Nahar mengajar dalam kelas serta Muhammad Natsir pula memanfaatkan ilmu pendidikan dan pedagogi yang diikutinya secara pengajaran sambilan yang dikelolakan oleh pemerintah penjajah, Belanda sehingga memperolehi sijil *Lager Onderwijs* (L.O) iaitu sijil perguruan sekolah rendah pada pertengahan tahun 1931.³⁴ Dalam perkara ini, Noer Nahar memberi peluang pula kepada suaminya untuk mendalami ilmu lanjutan dalam pedagogi itu setelah beliau sebelum itu memperolehi sijil pendidikan.

Sebagai permulaannya, beliau dan Muhammad Natsir dengan bantuan para sahabatnya memulakan sesi persekolahan di peringkat prasekolah dan sekolah rendah terlebih dahulu pada sebelah petang selama kira-kira dua jam sehari. Suami isteri itu mendapat sokongan yang kuat daripada sahabat-sahabat mereka yang turut membantu menjadi tenaga pengajar di Sekolah Pendis seperti Ir. Ibrahim, Ir. Inderacaya, Fakhruddinal al-Kahiri dan termasuk Haji Ahmad Hassan. Inderacaya adalah seorang Menteri Perhubungan dan Kemakmuran dalam kabinet Presiden Sukarno dari tahun 1948-1949.³⁵ Pada awal pengasasan Sekolah Pendis, sekolah agama swasta itu hanya memiliki lima orang pelajar sahaja dengan keadaan bangunan yang serba daif dan tiada kemudahan asas pembelajaran yang kondusif di sebuah kawasan di Jalan

Pangeran Sumedang, Bandung.³⁶

Demi memperluaskan lagi perkembangan sekolah tersebut, mereka berpindah ke Jalan Lengkong, dalam kota Bandung yang juga atas usaha dan bantuan seorang dermawan yang mengenali Muhammad Natsir, Haji Muhammad Yunus, seorang aktivis dalam gerakan Pembela Islam iaitu sebuah pertubuhan agama anti Belanda.³⁷ Beliau mengenali suami Noer Nahar itu ketika Muhammad Natsir sering menulis sebagai kolumnis dalam majalah *Pembela Islam* terbitan pertubuhan itu. Semasa Haji Yunus datang melawat sekolah tersebut, beliau merasa kurang puas hati dengan kekurangan kemudahan pembelajaran dan berlaku keadaan tidak kondusif belajar dalam kelas, lalu mencadangkan kepada Noer Nahar dan Muhammad Natsir melakukan sesuatu usaha bagi mengatasinya.³⁸ Saranan Haji Yunus kepada Muhammad Natsir dan isterinya;

“Tambahlah meja ini dengan meja panjang empat buah. Saya tahu tukang kayu yang dapat membuatnya dengan harga yang murah. Natsir, pesanlah empat buah meja. Saya pinjam enam belas rupiah. Tetapi ingat, ini pinjaman yang harus dibayar kembali.”³⁹

Hutang yang diberi oleh Haji Yunus itu rupanya satu cara untuk beliau menguji kejujuran pasangan suami isteri tersebut. Setiap kali Noer Nahar menyuruh Muhammad Natsir cuba menjelaskan hutang tersebut, Haji Yunus menolak dengan alasan untuk menyumbang derma dan zakat kepada sekolah Islam swasta tersebut. Malah dermawan itu turut membantunya mencari tempat pembelajaran baharu atau bangunan yang lebih selesa dengan kadar sewa yang rendah.⁴⁰

Gamal mencatatkan bahawa selepas masa dua bulan mengasaskan sekolah Islam tersebut, Sekolah Pendis telah berkembang pesat dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat dengan berkat kegigihan dan ketabahan pasangan suami isteri itu.⁴¹ Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang cuba diserapkan di sekolah itu memberi kesan positif dan ianya berkembang sedikit demi sedikit kepada kemajuan Sekolah Pendis. Gambaran perkembangan sekolah itu dijelaskan seperti berikut;

“Rupanya muridnya yang berlima itu diluar kursus berbicara pula dengan teman-temannya yang lain. Diajaknya mereka sama-sama masuk kursus. Di bulan kedua murid bertambah. Tempat duduk tidak cukup. Perlu ditambah dengan meja dan bangku. Uang penambah tempat duduk itu belum ada.”⁴²

Sambutan yang memberangsangkan itu membuatkan Noer Nahar merasa terkejut dan tidak mempercayai perkembangan sekolah agama swasta yang dibangunkan oleh beliau dengan suaminya itu mencapai angka sehingga dua ratus

orang pelajar dalam satu masa walaupun mempunyai saingan dengan sekolah persendirian lain kelolaan Muhammadiyah dan sekolah kelolaan yayasan lain.⁴³ Noer Nahar juga tidak menyangka hal ini terjadi kerana Muhammadiyah merupakan pertubuhan politik dan sosial Islam yang berpengaruh di Jawa dan seluruh Indonesia dalam membangunkan pusat pengajiannya yang tersendiri dan sistem pengajian mereka lebih jauh ke hadapan berbanding Sekolah Pendis hanya mampu bersaing dengan sihat dalam perjuangan pendidikan kepada anak bangsanya. Seterusnya, sekolah persendirian itu turut memperolehi sumber buku-buku teks daripada seorang penerbit berbangsa Belanda, J. B. Wolters yang sanggup menyediakan kemudahan berhutang kepada pasangan suami isteri itu dalam usaha menambahkan lagi fasiliti bacaan kepada Sekolah Pendis.⁴⁴

Kurikulum Sekolah Pendis

Selain menjadi pentadbir dan serentak menggalaskan tanggungjawab sebagai pendidik sebuah sekolah yang baharu diwujudkan, Noer Nahar membantu suaminya, Muhammad Natsir dengan mengambil langkah seterusnya iaitu menggubal kurikulum sekolah dalam usaha menyediakan pelajaran akademik bercorak moden tanpa melupai asas-asas agama dan nilai-nilai Islam. Sekolah yang ditubuhnya itu menggunakan sistem kurikulum bercorak reformis Islam yang berteraskan pendidikan umum dan *Islamietisch Paedagogisch Idea* (Pendidikan Agama Islam).⁴⁵ Beliau beranggapan bahawa melalui cara tersebut dapat merintis jalan kepada pelajar-pelajar tempatan memahami ilmu-ilmu duniawi serta mendalami kepelbagaian ilmu tauhid supaya dapat melahirkan insan yang bertakwa kepada Tuhannya dan seterusnya menjadi umat Islam berilmu.⁴⁶ Malah melalui pengasasan sekolah ini juga dan di sebalik penubuhannya adalah untuk mewujudkan semangat nasionalisme masyarakat Indonesia bagi membebaskan negara itu daripada pengaruh penjajah. Bibit-bibit anti kolonial Belanda mulai tumbuh dalam kalangan pelajar sekolah itu kerana melalui setiap sesi pengajaran, Noer Nahar bersama-sama Muhammad Natsir dan guru-guru lain akan ‘menyemai benih’ semangat kebangsaan kepada anak bangsa mereka.⁴⁷

Selain itu, Noer Nahar turut berperanan sebagai pembantu dalam urusan akademik dan hal ehwal murid selain bertugas sebagai pendidik. Usaha mereka itu dibantu oleh rakan-rakannya yang turut bertindak sebagai guru di Sekolah Pendis. Dalam mementingkan ilmu pendidikan agama moden yang berteraskan al-Quran dan al-Hadis, Sekolah Pendis juga mementingkan pendidikan Sejarah selain bahasa Arab, bahasa Inggeris, ilmu Sains dan Matematik. Misalnya, dalam setiap pengajaran Noer Nahar, beliau menerapkan unsur-unsur nasionalisme dengan mempelajari ilmu Sejarah supaya anak-anak Indonesia dapat mengetahui sejarah bangsa dan nusa serta mengenali asal keturunan dan diri sendiri. Melalui mata pelajaran itu

jugalah beliau turut memasukkan nilai-nilai Islam melalui sejarah kehidupan dan perjuangan Rasulullah SAW serta para sahabat baginda bersama-sama semangat kebangsaan dan kemerdekaan tanah air dengan peristiwa-peristiwa lalu semasa bangsa Indonesia bangkit menentang penjajah Barat seperti penglibatan Diponegoro dalam Perang Jawa pada 1825-1830.⁴⁸ Sehubungan dengan itu, beliau dengan suaminya turut menekankan anak-anak bangsanya supaya mempunyai semangat yang kuat melawan musuh agama, mampu berdikari serta tidak bergantung kepada kuasa luar dalam menghadapi sesuatu masalah sehingga masyarakat Islam ditindas oleh kuasa Barat. Tambahan lagi, Noer Nahar di dalam kelas beliau sentiasa menekankan kepentingan beribadah dan mendapatkan makanan yang berkualiti demi memperolehi kesihatan fizikal dan minda yang baik dan seterusnya dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan sempurna.⁴⁹

Dalam masa yang sama, Noer Nahar sering mengadakan kuliah yang khusus kepada ibu bapa di sekolah agama swasta tersebut pada hujung minggu bagi menekankan kepentingan ilmu kesihatan dan menyediakan makanan mengikut hukum syarak dan bersih bagi pertumbuhan anak-anak mereka, selain kepentingan mengejar kejayaan dalam tuntutan ilmu. Sebaliknya, suaminya, Muhammad Natsir pula menekankan asas kurikulum yang banyak diambil daripada pengalamannya menuntut ilmu daripada Haji Ahmad Hassan serta sistem pendidikan moden kolonial Belanda.⁵⁰ Semasa beliau menuntut dengan gurunya itu, Muhammad Natsir didedahkan dengan tidak menggalakkan proses pembelajaran secara hafalan semata-mata seperti dalam mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Agama Islam tetapi harus melalui perdebatan dan perbincangan.⁵¹ Oleh itu, teknik pengajaran dan pembelajaran suaminya itu turut dilakukan hal yang sama oleh Noer Nahar semasa di dalam sesi kelasnya.

Selain mempunyai sifat keibuan yang terserlah, Noer Nahar mampu menguasai beberapa bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Belanda di samping dialek Minangkabau dan Jawa. Di Sekolah Pendis, kepentingan ketiga-tiga bahasa tersebut dititikberatkan. Semua guru wanita turut mengajar bahasa Belanda supaya anak bangsanya memahami bahasa penjajah itu apabila berkomunikasi dengan pemerintah kolonial Belanda. Namun disebaliknya, beliau tidak mengajar dan berkomunikasi dalam bahasa itu kepada anak-anaknya di rumah.⁵² Ketika beliau berbual dan berbincang dengan suaminya berkenaan hal peribadi, masalah Sekolah Pendis dan sikap pemerintah kolonial, mereka berkomunikasi sesama dalam bahasa Belanda supaya anak-anak mereka tidak memahami permasalahan mereka dan situasi politik Belanda di Indonesia. Keadaan tersebut memberi kehairanan kepada anak-anaknya hingga pernah bertanya, “Umi kan mengajar bahasa Belanda tiap hari, mengapa kami tidak diajar bahasa Belanda?”⁵³ Lantas dijawab Noer Nahar kepada anak-anaknya, “Mengapa harus belajar bahasa Belanda, kita sudah merdeka”.⁵⁴ Melihat hal ini, ia memberi maksud yang mendalam bahawa pemikiran Noer Nahar agak tajam dan bermaksud tersirat supaya

anak-anak mereka tidak terlibat bersama-sama dengan kegetiran mereka dalam mendirikan sebuah sekolah serta situasi kekejaman pihak kolonial Belanda terhadap tanah air mereka; malah memberi semangat kebangsaan kepada anak-anaknya bahawa Indonesia mampu akan merdeka kemudian.

Noer Nahar amat mengagumi kepimpinan suaminya itu dalam usaha penyebaran ilmu kepada masyarakat mereka demi mengatasi kemunduran masyarakat Indonesia yang sentiasa dalam cengkaman kolonial iaitu Belanda; dengan sebab itu beliau sentiasa menyokong dan memberi dorongan yang padu kepada suaminya itu. Dalam setiap rapat umum dengan ibu bapa anak-anak murid mereka, Noer Nahar dan Muhammad Natsir mengingatkan bahawa umat Islam di Indonesia perlu mengambil berat dan mendalami tentang ilmu pengetahuan dan pendidikan agar bangsanya lebih maju dan progresif.⁵⁵ Noer Nahar menyetujui pandangan suaminya itu bahawa tidak ada satu bangsa yang terbelakang menjadi maju, melainkan sesudah memperoleh pendidikan anak-anak bangsanya. Pandangan suaminya itu adalah;

“Bangsa Dijepang, satu bangsa Timur yang sekarang djadi buah mulut orang seluruh dunia lantaran madjunja, masih akan terus tinggal dalam kegelapan sekiranya mereka tidak mengatur pendidikan bangsa mereka; kalau sekiranya mereka tidak membuka pintu negerinja jang selama ini tertutup rapat, untuk orang-orang pintar dan ahli-ahli ilmu negeri lain jang akan memberi didikan dan ilmu pengetahuan kepada pemuda-pemuda mereka disamping mengirim pemuda-pemuda mereka keluar negeri menjari ilmu.”⁵⁶

Dalam setiap idea pendidikan yang dibawa oleh Noer Nahar dan suaminya di Sekolah Pendis, mereka menerapkan asas pendidikan yang berteraskan ilmu tauhid. Noer Nahar berpendapat, apabila ilmu tidak berasaskan kepada sifat-sifat ketuhanan, berlakunya kelalaian kepada anak bangsa Indonesia.⁵⁷

Cabaran Sekolah Pendis

Sebagai sebuah sekolah yang baharu didirikan dan mendapat sambutan yang di luar jangkaan, pasangan itu menghadapi pelbagai rintangan dan halangan yang melanda terutama sekali ialah memerlukan guru-guru daripada kalangan wanita untuk mengajar murid-murid prapersekolahan. Kegetirannya itu ditambahkan lagi apabila tidak ramai yang memohon jawatan itu kerana gaji yang diberi agak ‘kurang memberangsangkan’⁵⁸, serta tiada kemudahan-kemudahan lain yang menarik minat mereka memberi perkhidmatan pendidikan di sekolah itu, seperti kenaikan gaji tahunan dan kuarters guru. Misalnya, gaji yang dimiliki oleh Muhammad Natsir ketika itu hanya 17.50 rupiah sebulan sahaja dan Noer Nahar memperoleh gaji kurang dari itu.⁵⁹ Sebagai seorang isteri yang setia dan sentiasa memberi dorongan yang kuat kepada suaminya itu, Noer Nahar

tidak pernah mematahkan semangat suaminya, beliau selalu mengemukakan beberapa cadangan yang bernas bagi memantapkan lagi usaha mereka bersama.

Peranan Noer Nahar dalam membangunkan sebuah sekolah persendirian itu kelihatannya amat bermakna, di samping dapat meringankan beban yang ditanggunginya suaminya itu dengan memujuk supaya tidak mudah berputus asa dan sentiasa memberi idea-idea baharu dalam memastikan lagi sekolah swasta mereka meningkat prestasinya. Oleh sebab sambutan yang agak baik daripada masyarakat setempat telah menimbulkan implikasi dan masalah berat lain pula dan perkara tersebut perlu dihadapi bersama-sama dan secepat mungkin dalam usaha mengatasinya. Masalah tersebut ialah ruang belajar menjadi sempit dengan pertambahan pelajar yang mendadak dari masa ke semasa.⁶⁰ Peningkatan pelajar secara mendadak ini adalah disebabkan program-program pembelajaran moden dan kurikulum yang diperkenalkan mula mendapat perhatian ramai dan disukai ibu bapa.⁶¹ Namun, ruang belajar yang menjadi sempit serta kekurangan kemudahan pembelajaran telah menyukarkan anak-anak murid Sekolah Pendis mengikuti proses pembelajaran dengan lebih berkesan dan kondusif. Masalah yang dihadapi oleh sekolah persendirian yang baharu dibuka ini dapat dikesan oleh peniaga tempatan iaitu Haji Yunus yang ingin membantu kedua pasangan pendidik ini. Beliau ingin membantu Muhammad Natsir dengan memberi pinjaman sejumlah wang bernilai enam belas juta rupiah dalam usaha membangunkan sekolah itu. Namun perkara ini telah merungsingkan fikiran Muhammad Natsir kerana sikapnya yang tidak gemar berhutang.⁶²

Kerisauannya itu telah mendapat perhatian daripada Noer Nahar. Isterinya itu memberi pandangannya bahawa menerima sahaja wang pinjaman daripada Haji Yunus demi meningkatkan lagi kemudahan pembelajaran anak-anak bangsa dan apabila mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dapat melunaskan segala hutang secara beransur-ansur atau boleh meminta bantuan daripada dermawan tempatan lain. Lantas, Muhammad Natsir terpaksa menerima sejumlah wang itu dalam keadaan terdesak tetapi bertekad mahu memulang semula dalam masa terdekat melalui yuran pelajarannya. Sebaliknya, setelah berkemampuan mahu melunaskan hutangnya, Haji Yunus enggan menerima sejumlah wang itu dan menganggap sedekah atau zakat beliau sahaja.⁶³ Tindakan yang dilakukan oleh dermawan itu menimbulkan kehairanan kepadanya dan memberi persoalan kepada beliau terhadap sikap Haji Yunus yang sedemikian. Menurut penjelasan Haji Yunus, beliau mahu menduga keikhlasan dan kejujuran Muhammad Natsir dan isterinya tetapi rupanya Muhammad Natsir 'telah lulus dalam ujian' tersebut.⁶⁴ Melihatkan situasi sedemikian, Noer Nahar merasa bersyukur dengan sikap kejujuran suaminya itu dan tambah bersemangat untuk meningkatkan lagi prestasi sekolah persendirian itu dengan Muhammad Natsir dan bersama-sama guru-guru lain.

Sifat keperibadian Noer Nahar dan Muhammad Natsir yang tidak pernah patah semangat, berjiwa kental serta sentiasa mahu memajukan diri dan masyarakat, akhirnya dapat menghadapi rintangan itu apabila dibantu oleh pihak-pihak tertentu yang bersimpati dengan beliau dan anak-anak tempatan demi kebaikan dan masa hadapan Sekolah Pendis. Kebanyakan pelajarinya datang daripada keluarga yang miskin serta yang ditolak oleh sekolah anjuran kolonial Belanda dan sekolah swasta lain seperti sekolah di bawah Yayasan Muhammadiyah. Melihat keadaan ini, ia memberi cabaran seterusnya kepada suaminya, Muhammad Natsir untuk mencari sumber kewangan dalam usaha membangunkan lagi sekolah swasta tersebut. Dalam memperbaiki taraf sekolah swasta itu, beliau mendapat bantuan zakat daripada beberapa penderma termasuk Abdullah Afiff dari Cirebon. Malahan, Noer Nahar sendiri turut menyumbang barang kemas seperti gelang dan cincin emas untuk digadai supaya dapat menampung perbelanjaan dan mengatasi masalah yang dihadapi. Bantuan dermawan tempatan yang sanggup mengumpul derma dan dana, akhirnya sekolah swasta yang diasaskan Muhammad Natsir dan Noer Nahar itu telah mempunyai bangunan sekolah sendiri dan kemudahan-kemudahan asas sekolah dibangunkan demi keselesaan proses pembelajaran dan pengajaran pelajar mereka.⁶⁵

Setelah memperolehi segala kemudahan itu secara tidak langsung memberi kesan yang agak positif kepada Sekolah Pendis untuk terus berkembang dengan lebih pesat. Sekolah agama swasta itu telah berjaya memulakan sistem pendidikan dari taman asuhan kanak-kanak (prasekolah), sekolah rendah dan seterusnya ke peringkat sekolah menengah. Perancangan seterusnya, Noer Nahar dan suaminya, Muhammad Natsir bercadang mahu melebarkan sayap Sekolah Pendis hingga bertaraf institut pengajian tinggi swasta. Akhirnya, pasangan suami isteri itu telah memperlihatkan kejayaan yang agak membanggakan dengan mengorak langkah lebih jauh apabila mereka membuka sebuah institusi yang khusus melatih bakal-bakal guru yang dikenali dengan '*Kweekschool*' iaitu yang menyerupai sebuah maktab latihan perguruan.⁶⁶ Idea membuka institusi ini adalah daripada pengalaman Noer Nahar sendiri yang turut berkelulusan '*Kweekschool*' anjuran kerajaan kolonial Belanda di Jawa pada awal tahun 1930-an.

Satu perkara yang menarik untuk dinyatakan ialah pengasasan Sekolah Pendis ini tidak menerima tekanan daripada pihak pemerintah kolonial Belanda di Jawa Barat. Sungguhpun sekolah agama swasta ini dalam keadaan daif semasa awal pembinaannya kerana tidak mendapat sebarang bantuan seperti guna sumber tenaga, tapak pembinaan serta kemudahan pembelajaran dan pengajaran dari pihak kolonial itu, namun sekolah Islam swasta ini tidak pernah dipedulikan oleh kolonial Belanda.⁶⁷ Pada mulanya, Noer Nahar turut merasakan kebimbangan dan kegusaran sekiranya menghadapi tekanan dan gangguan perjalanan pembelajaran pelajarinya kerana di sekolah itu turut menyemai benih nasionalisme melawan penjajah Belanda serta pembelajaran

ilmu-ilmu agama dalam bentuk pendidikan moden (*Hollandsch-Inlandsch Onderwijs-Commissie*). Namun begitu, pihak kolonial Belanda tidak dapat mengesani segala 'aktiviti benci penjajah' disebabkan diselindungi subjek pengajaran bahasa Belanda serta tempoh pengajaran hanya dua jam satu hari sahaja. Disebabkan hal ini, pihak kolonial Belanda menganggap Sekolah Pendis sebagai pusat pesantren semata-mata demi menyampaikan ilmu agama Islam kepada anak-anak bangsa Indonesia dan sememangnya pihak kolonial itu tidak mempedulikannya.⁶⁸ Oleh yang demikian, sikap ketidakpedulian pihak penjajah tersebut memberi kelegaan terhadap Noer Nahar dan suaminya itu untuk memperkembangkan lagi Sekolah Pendis. Dalam masa yang sama, kewujudan sekolah agama swasta tersebut tidak memberi persaingan yang kuat kepada sekolah-sekolah agama swasta anjuran pertubuhan agama dan politik lain seperti sekolah anjuran Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama kerana sekolah agama swasta lain lebih lama wujud dan maju sejak ditubuhkan sedangkan Sekolah Pendis pada awalnya hanya menerima pelajar dari persekitaran kota Bandung sahaja.⁶⁹

Perkembangan Sekolah Pendis Sehingga Penutupannya

Pusat pendidikan swasta berasaskan agama yang dibangunkan oleh Noer Nahar dan suaminya itu terus berkembang maju dengan membuka beberapa cawangan di sekitar Jawa Barat iaitu di sekitar Bandung, Bogor, Cirebon, Jatinegara dan Tanjung Priok serta di Kalimantan.⁷⁰ Sumbangan Sekolah Pendis terhadap masyarakat dan Indonesia ternyata berkesan walaupun tidak melahirkan graduan yang ramai. Namun begitu, ada segelintir lulusan sekolah ini turut berkhidmat menjadi anggota tentera dalam Tentera Nasional Indonesia (TNI), penjawat awam kepada jabatan pendidikan agama dan juga ahli politik.⁷¹ Selepas membuka sekolah yang terakhir di Gang Ciguriang di Bandung, Indonesia dijajah oleh pihak tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1941. Dasar pemerintah Jepun yang mengagung-agungkan negara mereka telah menutup semua sekolah rakyat, sekolah anjuran kolonial Belanda dan sekolah swasta, termasuklah Sekolah Pendis sendiri menjelang tahun 1942. Dalam masa pemerintahan penjajah Timur Jauh itu, suami Noer Nahar, Muhammad Natsir telah dilantik mengetuai sektor pendidikan setelah memegang jawatan pengarah yang dikenali 'Direktur Pendidikan Islam' bagi pihak pemerintah Jepun di Bandung.⁷²

Kecenderungan Noer Nahar dan Muhammad Natsir dalam memperkembangkan pendidikan moden dan sekolah bercorak Islam berterusan sehingga ke akhir hayatnya. Usaha Noer Nahar bersama-sama suaminya dalam memperjuangkan ilmu pendidikan moden melalui Sekolah Pendis tidak tercapai ke penghujungnya setelah Indonesia dan seluruh Asia Tenggara terjebak dalam Perang Dunia Kedua yang bermula dalam tahun 1941 dan berakhir pada tahun 1945. Usaha pasangan suami isteri itu dalam pengasasan

sekolah adalah cita-cita awal mereka berdua sehingga sanggup mengorbankan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Namun begitu, tanpa mempunyai sokongan yang kuat dan dorongan serta desakkan yang padu daripada 'sang isterinya' iaitu Noer Nahar, besar kemungkinan usaha Muhammad Natsir mengalami kebantutan terutama usaha pertama mereka menubuhkan sekolah agama swasta itu di Bandung, iaitu Sekolah Pendis. Walaupun mereka berdua gagal mempertahankan sekolah itu akibat serangan pihak tentera Jepun dalam tahun 1941-1942, tetapi usaha mereka selama lebih sedekad telah membuka mata kepada masyarakat tempatan tentang kepentingan ilmu pengetahuan agama Islam terutama ilmu tauhid, ilmu fikah dan tasawuf di samping bahasa Arab tanpa membelakangkan ilmu-ilmu dunia terutama kepentingan bahasa Inggeris, ilmu Sains, Geografi, Matematik dan Sejarah. Dasar-dasar kejam pihak tentera Jepun mengarahkan semua sekolah tempatan ditutup dan mengutamakan pendidikan Jepun telah memberi kesan yang mendalam kepada pengasasan Sekolah Pendis. Selepas penutupan sekolah persendirian mereka itu, Noer Nahar ternyata amat sedih dan terkilan kerana usaha mereka tidak dapat mencapai keinginan yang diharapkan tetapi beliau terpaksa akur dengan keadaan zaman tersebut yang bergelumang dengan suasana peperangan yang dahsyat dan keadaan politik yang tidak menentu mengakibatkan semua sekolah swasta, sekolah rakyat dan sekolah anjuran kolonial Belanda diarah penutupan oleh pihak kuasa kolonial yang baharu dari sebelah Timur, iaitu pihak kuasa tentera Jepun.

Noer Nahar Selepas Penutupan Sekolah Pendis

Selepas penutupan sekolah agama swasta itu iaitu Sekolah Pendis, Noer Nahar meneruskan kehidupannya seperti biasa yang dilakukan oleh isteri-isteri lain serta ibu-ibu lain iaitu 'menjaga' keluarganya dengan sebaik mungkin. Di rumahnya, beliau mengurus keperluan suaminya yang mempunyai jawatan baharu yang dilantik oleh pihak berkuasa Jepun bagi mengawal pendidikan Indonesia dalam era pemerintahan Jepun. Malahan, beliau terus menyokong kuat di belakang peranan Muhammad Natsir sebagai nasionalis Indonesia dan politikus tempatan termasuk sebagai Perdana Menteri Indonesia semasa era pemerintahan Presiden Sukarno iaitu dari 27 April 1951 hingga 3 April 1952. Selain itu, tugas beliau sebagai suri rumahtangga dan ibu kepada anak-anaknya bertambah berat kerana anak-anak pasangan tersebut bertambah usia remaja dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya supaya dewasa dengan sempurna terutama dalam pendidikan dunia dan akhirat. Di tempat penginapan mereka, Noer Nahar menjalankan tugas membantu Muhammad Natsir memberi didikan kepada anak-anak mereka, selain terlibat dalam persatuan-persatuan wanita dan pertubuhan politik terutama Masyumi cawangan Bandung. Ketika itu, Muhammad Natsir merupakan presiden bagi parti politik Islam tersebut.⁷³ Noer Nahar turut menyemai semangat nasionalisme dan bencikan penjajah

kepada kaum ibu dan wanita dalam usaha menyemai semangat memerdekakan Indonesia daripada mana-mana pihak penjajah iaitu pihak kolonial Belanda dan kuasa tentera Jepun. Namun begitu, satu keistimewaan isteri Muhammad Natsir ini ialah jiwa pendidiknya tidak pernah padam daripada dirinya apabila turut 'mengadakan kelas kecil-kecilan' kepada anak-anak tempatan di rumah mereka sendiri bagi meneruskan 'ilmu yang tertangguh' setelah Sekolah Pendis berkubur.⁷⁴ Di samping itu, beliau turut mewujudkan kelas dewasa kepada kaum ibu bapa yang buta huruf supaya dapat membaca dan menulis dan seterusnya dapat menimba ilmu pengetahuan.⁷⁵

Selepas sekolah agama persendirian tersebut tidak wujud lagi, Noer Nahar dan suaminya terlibat dalam perusahaan penerbitan dengan menerbitkan buku-buku agama, pendidikan, tulisan tentang nasionalisme dan politik Indonesia selepas negara Indonesia mencapai proklamasi kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Proklamasi kemerdekaan itu dilakukan oleh Presiden Sukarno di kediamannya di Jalan Pegangsaan Timur 56, Jakarta. Syarikat penerbitan yang mereka usahakan itu diberi nama sempena sekolah agama swasta yang mereka pernah asaskan pada tahun 1932 itu iaitu Pustaka Pendis.⁷⁶ Antara bahan penerbitan yang pernah diterbitkan oleh syarikat mereka ialah buku yang bertajuk '*Capita Selecta*' karya Muhammad Natsir sendiri yang disifatkan karya agungnya dan diterbitkan pada tahun 1957. Syarikat penerbitan itu kini diambil alih dan diusahakan oleh anak bongsunya, Ahmad Fauzie Natsir di Jakarta selain beliau mewujudkan syarikat penerbitannya sendiri iaitu PT Abadi.

Kesimpulan

Peranan Noer Nahar di sebalik perjuangan Muhammad Natsir ternyata memberi kesan yang positif kepada suaminya itu. Beliau memberi sokongan yang padu dalam setiap usaha yang dilakukan Muhammad Natsir seperti perjuangan sebagai nasionalis dan aktivis politik termasuk dalam memajukan sistem pendidikan agama dan sekolah agama swasta moden, iaitu Sekolah Pendis. Noer Nahar mengetahui keadaan kemunduran masyarakat Indonesia di bawah penjajahan kolonial Belanda dan dalam masa yang sama masyarakat dalam belunggu penjajahan itu memerlukan sebuah sistem pendidikan agama yang maju dan moden menurut nilai-nilai Islam. Menurut wanita kental itu, sistem pendidikan yang sempurna akan dapat membangunkan lagi minda masyarakatnya dan taraf kehidupan bertambah maju. Dalam kata lain, sistem pendidikan adalah agen kemajuan sesuatu bangsa. Noer Nahar sebagai pembantu Muhammad Natsir dalam mengurus dan mentadbir Sekolah Pendis dan dalam masa yang sama menjadi guru di sekolah tersebut turut bersama-sama guru lain mengharungi kegetiran, cabaran dan dugaan sejak pada awal penubuhan sekolah itu sehinggalah penutupannya semasa zaman Perang Dunia Kedua. Namun kesemua permasalahan di sekolah itu bukanlah penghalang

untuk meneruskan sistem pendidikan Islam yang moden. Di sekolah agama swasta itu, beliau turut menyemai benih-benih nasionalisme ke atas anak-anak bangsanya supaya mereka sedar akan erti penjajahan dan harus mengambil kembali hak-hak mereka di tanah air yang dirampas daripada pihak kolonial Belanda. Penutupan sekolah tersebut bukannya kegagalan mereka dalam perjuangan itu tetapi disebabkan seluruh Asia Tenggara terlibat dalam kancah peperangan akibat serangan tentera Jepun.

Sungguhpun perjuangan yang diusahakan oleh Noer Nahar itu tidak boleh dibandingkan dengan perjuangan tokoh wanita lain di Indonesia terutama Raden Adjeng Kartini yang berpengaruh dalam perjuangan pendidikan untuk golongan wanita, tetapi peranan Noer Nahar agak berbeza dengan wanita itu. Noer Nahar berjuang bersama-sama suaminya untuk membangunkan sebuah pendidikan berlandaskan Islam yang moden dan bersistematik kepada semua anak bangsanya, sebaliknya Kartini seorang wanita bangsawan yang memperjuangkan emansipasi wanita dalam pendidikan sekular secara berseorangan. Walaupun hayat pengasasan Sekolah Pendis tidak begitu panjang akibat teretusnya peperangan tetapi ia merupakan satu usaha yang serius yang dilakukan oleh Noer Nahar dan suaminya itu. Jelaslah di sini bahawa perjuangan Muhammad Natsir dalam setiap langkah bagi kemerdekaan Indonesia bermula dengan perjuangan dalam agama, pendidikan, nasionalisme, politik, pentadbiran negara dan mewujudkan sebuah negara moden serta bebas daripada anasir-anasir Barat yang sentiasa didorong, disokong dan dibantu oleh isterinya, Noer Nahar.

Nota Akhir

1. Rujuk sejarah adat Minangkabau, Elizabeth Graves, *The Minangkabau Response to Dutch Colonial Rule Ninteenth Century*, Ithaca, New York, Cornell Southeast Asia Program Publication, 1981.
2. *Keputusan Presiden Republik Indonesia*, Gelar “Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir”, Nomor 041/TK/Tahun 2008, bertarikh 6 November.
3. Rujuk, George McTurnan Kahin, *Nationalism and Revolution in Indonesia*, Ithaca: Cornell University Press, 1952, hlm. 393.
4. Lihat, *Memoar Senarai Kiprah Sejarah* (Buku Kedua), Jakarta, Grafiti, 1993, hlm 90-91.
5. Rujuk, Mohammad Noer, 1999. “Mohammad Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara, 1940-1960”, (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang; dan, Mohammad Noer, 2008. “Ideologi Pendidikan Islam Mohammad Natsir”, dlm. *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah* (Edit. Lukman Hakiem), Jakarta Selatan: Penerbit Republika.
6. Lihat, Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik*

- Ummah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
7. Rujuk, Yusuf Abdullah Puar (Peny.), 1978, *Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan*, Panitia Buku Peringatan Mohammad Natsir/Mohammad Roem 70 Tahun, Jakarta Pusat: Pustaka Antara; serta, M. Dzulfikriddin, 2010. *Mohammad Natsir dalam Sejarah Politik Indonesia: Peran dan Jasa Mohammad Natsir dalam Dua Orde Indonesia*, Bandung: PT Mizan Pustaka.
 8. Rujuk surat-surat persendirian Muhammad Natsir, Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 17 Juli; Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 18 Juli; Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus; Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September; Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 18 Julai-9 Ogos.
 9. Dalam tulisan Elizabeth ada menyatakan sejarah ringkas kehidupan Noer Nahar ketika di Sumatera Barat. Rujuk, Elizabeth Graves, 1981.
 10. *Hollandsch-Inlandsch Onderwijs-Commisie. Historisch Overzicht van het Regerings-beleid, ten Aazien van hed Onderwijs voor de Inlandsch Bevolking*. 1931. (*Hollandsch-Inland Education-Commission. Historical Overview of Government Policy, at Aazien of hed Education for the Inland Population*), Batavia: Publication No. 9, hlm. 8-9.
 11. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 17 Juli.
 12. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 17 Juli.
 13. Temubual dengan Asma Faridah Natsir, 22 Jun 2009 di Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII), Jakarta.
 14. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus.
 15. Keterangan lanjut tentang JIB, lihat, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, 2015d. *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 35, 42, 57, 129.
 16. *Algemene Verslag het Inlandsch Onderwijs in Nederlandsch Indie, loopende over de Jaren, 1893-1897* (The entire report of the Inlandsch education in the East Indies, runs for many years, 1893-1897), Batavia: Hoofd-Kommissie van Onderwijs, hlm. 10.
 17. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009; dan, Ahmad Fauzie Natsir pada 23 Jun 2008 di PT Abadi, Jalan Kramat Raya, Jakarta Pusat.
 18. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
 19. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 20. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 21. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 22. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009; dan, adiknya, Ahmad Fauzie Natsir turut mengaku penjelasan Asma pada 23 Jun

- 2008.
23. Lihat, Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 40.
 24. Rujuk, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, “Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan”, (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 369-411.
 25. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 26. Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat “Islam Demokrasi”, dalam M. Natsir, 2008. *Capita Selecta 1*, Jakarta Selatan & Jakarta Pusat: Yayasan Bulan Bintang Abadi & Media Da’wah; dan, Ahmad Suhelmi, 1999. *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*, Jakarta: Darul Falah.
 27. M. Natsir, *Islam Sebagai Dasar Negara: Pidato Dalam Sedang Pleno Konstituante Pada Tanggal 12 November 1957*, Bandung: Pimpinan Fraksi Masyumi dalam Konstituante, 1957, hlm. 36.
 28. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 29. Yusuf Abdullah Puar (Peny.), *Muhammad Natsir*, 1978, hlm. 36.
 30. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
 31. Rujuk, M. Natsir, *Capita Selecta 1*, 2008, hlm. 79-146 dan 155-162.
 32. M. Natsir, *Capita Selecta 1*, 2008, hlm. 58.
 33. Dzulfikriddin, M., *Mohammad Natsir dalam Sejarah Politik Indonesia*, 2010, hlm. 5-6.
 34. Temubual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
 35. Yusuf Abdullah Puar (Peny.), *Muhammad Natsir*, 1978, hlm. 28.
 36. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 37. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus.
 38. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus.
 39. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 18 Julai-9 Ogos.
 40. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus.
 41. Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 2003, hlm. 44.
 42. Yusuf Abdullah Puar (Peny.), *Muhammad Natsir*, 1978, hlm. 29.
 43. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 44. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
 45. Rujuk, “Ideologi Pendidikan Islam”, dalam M. Natsir, *Capita Selecta 1*, 2008, hlm. 79-90.
 46. Mohammad Noer, “Mohammad Natsir”, 1999, hlm. 88.
 47. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
 48. Pangeran Diponegoro dilahirkan pada 11 November 1785 di Yogyakarta dan meninggal dalam buangan pada 8 Januari 1855 di Makassar, Sulawesi. Beliau juga digelar “Ontowiryo”.

Merupakan seorang putera Sultan Hamengkubuwono III iaitu keturunan raja dari kerajaan Mataram (Yogyakarta). Ibunya bernama R. A. Mangkarawati yang berasal dari Picitan. Beliau seorang wira yang menentang Belanda secara terbuka, dan mendapat simpati dan dukungan rakyat sehingga wujudnya Perang Diponegoro. Pada tahun 1830, Belanda berjaya menangkap beliau, setelah menawan tidak kurang daripada 15,000 orang tenteranya. Beliau kemudian dibuang negeri ke Makassar oleh pihak Belanda. Lihat, P. B. P. Carey, 1981. *Babad Dipanagara: an Account of the Outbreak of the Java War (1825-30): The Surakarta Court Version of the Babad Dipanagara*, Kuala Lumpur: Printed for the Council of the M.B.R.A.S. by Art Printing Works.

49. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
50. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 18 Juli; 1958, 9 Agustus.
51. Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 2003, hlm. 46-47.
52. Temu bual dengan Ahmad Fauzie Natsir pada 23 Jun 2008.
53. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
54. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
55. Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 2003, hlm. 89.
56. M. Natsir, *Capita Selecta 1*, 2008, hlm. 77.
57. Lihat keseluruhan tulisan, Dzulfikriddin, M., *Mohammad Natsir dalam Sejarah Politik Indonesia*, 2010.
58. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
59. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
60. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
61. Temu bual dengan Dr. Mohd. Noer pada 24 Jun 2008 dan 28 Jun 2009, di rumahnya di Jakarta Selatan, dan di Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII), Jakarta, Indonesia.
62. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
63. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus.
64. Rujuk, Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 9 Agustus dan 15 September.
65. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 15 September.
66. Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, 1958, 18 Juli; dan 1958, 9 Agustus.
67. *Ministerie van Onderwijs, Cultuur en Wetenschap. Algemene informatie over de leerplicht*, 2006 (Ministry of Education, Culture and Science. General information on compulsory education), June 23.
68. Lihat, Ganna Pryadharizal, T.t. "Natsir Sebagai Guru Bangsa", dlm. *Majalah Islam Sabili*, Edisi Khusus 100 Tahun M. Natsir, Jakarta Timur: PT Bina Media Sabili.

69. Rujuk, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 2015c. "Pemikiran Pendidikan Islam Muhammad Natsir dan Ahmad Dahlan Dalam Penyatuan Umat Indonesia", dlm. *International Seminar On Islam, Culture & Heritage: Malaysia-Indonesia* (ISICH 2015). Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. 14-15 September.
70. Mohammad Noer, "Ideologi Pendidikan Islam Mohammad Natsir", 2008, hlm. 458.
71. Yusuf Abdullah Puar (Peny.), *Muhammad Natsir*, 1978, hlm. 35.
72. Penceritaan oleh M. Natsir sendiri, dan diedit oleh Yaswirman, tidak diterbitkan dan tanpa tarikh (sumber dari ahli keluarga Natsir), hlm. 3.
73. Fail Masyumi, tanpa tarikh. Putusan Mukhtar Masyumi ke IV di Yogyakarta (sumber dari Ibu Pejabat Masyumi, Jakarta).
74. Temu bual dengan Asma Faridah pada 22 Jun 2009.
75. Temu bual dengan Ahmad Fauzie Natsir pada 23 Jun 2008.
76. Temu bual dengan Ahmad Fauzie Natsir pada 23 Jun 2008.

Rujukan

- Ahmad Suhelmi, 1999. *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*, Jakarta: Darul Falah.
- Algemeen Verslag het Inlandcsh Onderwijs in Nederlandsch Indie, loopende over de Jaren, 1893-1897* (The entire report of the Inlandcsh education in the East Indies. runs for many years, 1893-1897). Batavia: Hoofd-Kommissie van Onderwijs.
- Carey, P. B. P., 1981. *Babad Dipanagara: an Account of the Outbreak of the Java War (1825-30): The Surakarta Court Version of the Babad Dipanagara*. Kuala Lumpur: Printed for the Council of the M.B.R.A.S. by Art Printing Works.
- Dzulfikriddin, M., 2010. *Mohammad Natsir dalam Sejarah Politik Indonesia: Peran dan Jasa Mohammad Natsir dalam Dua Orde Indonesia*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Edy Suandi Hamid, Prof. Dr. H., M. Ec., 2008. Kontribusi Pemikiran M. Natsir bagi Penetapan Fondasi Pendirian Sekolah Tinggi Islam (Universiti Islam Indonesia). *Seminar Nasional Membedah Pemikiran Politik M. Natsir*. Yogyakarta. 10 Juni.
- Fail Masyumi. tanpa tarikh. Putusan Mukhtar Masyumi ke IV di Yogyakarta (sumber dari Ibu Pejabat Masyumi, Jakarta).
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Graves, E. E.. 1981. *The Minangkabau Response to Dutch Colonial Rule Ninteenth Century*. Ithaca. New York: Cornell Southeast Asia

Program Publication.

- Hollandsch-Inlandsch Onderwijs-Commisie. Historisch Overzicht van het Regerings-beleid, ten Aazien van hed Onderwijs voor de Inlandsch Bevolking.* 1931. (*Hollandsch-Inland Education-Commission. Historical Overview of Government Policy, at Aazien of hed Education for the Inland Population.* Batavia: Publication No. 9.
- Kertas Kerja Memperingati 100 Tahun Pahlawan Nasional Bapak Mohamad Natsir. 10 Januari 2009. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. anjuran WADAH dan KUIS.
- Keputusan Presiden Republik Indonesia.* Gelar “Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir”. Nomor 041/TK/Tahun 2008, bertarikh 6 November 2008.
- Kertas Kerja Deklarasi Panitia Peringatan Refleksi Seabad M. Natsir. 2007. 15 November). Mahkamah Konstitusi. Jakarta.
- Kertas Kerja Mengkaji Politik Dakwah M. Natsir. 2008. Fakultas Dakwah. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah. Ciputa.
- Kertas Kerja Membedah Pemikiran Politik M. Natsir. 2008. Universitas Islam Indonesia. Yogyakarta.
- Kertas Kerja Mengkaji Pemikiran dan Gerakan Dakwah M. Natsir. t.t. Universitas Ministry of Education. Culture and Science. General information on compulsory education Muslim Indonesia Makasar.
- Ministerie van Onderwijs, Cultuur en Wetenschap. Algemene informatie over de leerplicht.* 2006 (Ministry of Education, Culture and Science. General information on compulsory education). June 23.
- Memoar Senarai Kiprah Sejarah* (Buku Kedua). 1993. Jakarta: Grafiti.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2008. Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan yang Mencetus Perjuangan dan Pemikiran. *Seminar Internasional Malaysia-Indonesia Update* 2008. Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta. anjuran Universitas Gadjah Mada – Universiti Malaya. Mei.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2011. “Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan”. (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2013. Pemikiran Reformisme Islam di Dunia Melayu: Pengaruh Daripada Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir. *International Seminar: Current Research on the Malay World.* Universiti Brunei Darussalam-University of Frankfurt. Jerman. 29-31 Mac.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2014. “M. Natsir’s Involvement in the Islamic World and the Views of the International Scholars on Him” dlm. *Seminar “Indonesia’s International Image in the Post-Suharto Era”*. Wolfgang Goethe-Universität Frankfurt am Main, Frankfurt/

- Main, Germany. 9 Oktober. Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2015a. Islamic Political Thought Of Pak Natsir 'vs' Secular Political Thought Of Sukarno During The Reign Of Bung Karno. *The International Conference on Islam, Economic, Banking, Social Science, Communication and Education 2015*. Jakarta. Indonesia. 29-30 Mei.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2015b. Bapak Natsir: Cerita Lisan Anak-anak dan Sahabatnya dalam Memulihkan Hubungan Sukarno-Tunku Abdul Rahman. *International Seminar on Oral History Through Perspective of Heritage and Culture of Malaysia and Satun, Thailand*. Satun, Thailand. 21-23 Ogos.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2015c. Pemikiran Pendidikan Islam Muhammad Natsir dan Ahmad Dahlan Dalam Penyatuan Umah Indonesia. *International Seminar On Islam, Culture & Heritage: Malaysia-Indonesia (ISICH 2015)*. Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. 14-15 September.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2015d. *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Natsir, Mohammad. 1957. *Capita Selecta*, (himpunan oleh D.P. Sati Alimin). Djakarta: Pustaka Pendis.
- Natsir, M. 1957. *Islam Sebagai Dasar Negara: Pidato Dalam Sedang Pleno Konstituante Pada Tanggal 12 November 1957*. Bandung: Pimpinan Fraksi Masyumi dalam Konstituante.
- Natsir, M. 2008. *Capita Selecta 1*, Jakarta Selatan dan Jakarta Pusat: Yayasan Bulan Bintang Abadi dan Media Da'wah.
- Noer, Mohammad. 1999. Mohammad Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara, 1940-1960. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Noer, Mohammad. 2008. "Ideologi Pendidikan Islam Mohammad Natsir", dlm. *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah* (Edit. Lukman Hakiem), Jakarta Selatan: Penerbit Republika.
- Yusuf Abdullah Puar (Peny.). 1978. *Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenangan Kehidupan dan Perjuangan*, Panitia Buku Peringatan Mohammad Natsir/Mohammad Roem 70 Tahun, Jakarta Pusat: Pustaka Antara.
- Penceritaan oleh M. Natsir sendiri, dan diedit oleh Yaswirman, tidak diterbitkan dan tanpa tarikh (sumber dari ahli keluarga Natsir).
- Pryadharizal, Ganna. T.t. "Natsir Sebagai Guru Bangsa". *Majalah Islam Sabili*, Edisi Khusus 100 Tahun M. Natsir, Jakarta Timur: PT Bina Media Sabili.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. 1958, 17 Juli.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. 1958, 18 Juli.

- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. 1958, 9 Agustus.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. 1958, 15 September.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. 1958, 18 Julai-9 Agustus.
- Temu bual dengan Asma Faridah Natsir. 22 Jun 2009 di Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII). Jakarta.
- Temu bual dengan Dr. Mohd. Noer. 24 Jun 2008 dan 28 Jun 2009, di rumahnya di Jakarta Selatan, dan di Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII), Jakarta, Indonesia.
- Temu bual dengan Ahmad Fauzie Natsir. 23 Jun 2008 di PT Abadi, Jalan Kramat Raya, Jakarta Pusat.
- Temu bual Bapak Syuhada Bahri, bulan Mei 2008 dan Jun 2009 di Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII), Jakarta serta STID Mohammad Natsir, Jalan Kramat Raya, Jakarta Pusat.
- Temu bual dengan Bapak Abdul Kadir Usman, bulan Mei 2008 dan Jun 2009 di DDII dan STID Mohammad Natsir, Jalan Kramat Raya, Jakarta Pusat.
- Yamin, M. 1950. *Sedjarah Peperangan Dipanegara: Pahlawan Kemerdekaan Indonesia*, Jakarta: Pembangunan.
- Zed, Mestika et al., 1995. *Sumatera Barat di Panggung Sejarah, 1945-1995*. Cetakan 1. Padang: Bidang Penerbitan Khusus, Panitia Peringatan 50 Tahun RI Sumatera Barat.

Nota Biografi

Mohamad Muzammil (muzammil@usm.my) merupakan pensyarah kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dalam bidang Sejarah Malaysia dan Indonesia, Sejarah Pemikiran Politik, Sejarah Perbandingan dan Sejarah Biografi. Beliau turut menyelidiki kajian terhadap keperluan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Berkelulusan BA (hons.) dan MA di USM dan Ph.D. dari Universiti Malaya (UM).